

## **ANALISIS PERBANDINGAN ETIMOLOGI MESSIAH DALAM AGAMA YAHUDI, KRISTIAN DAN ISLAM**

### **COMPARATIVE ANALYSIS ON THE ETYMOLOGY OF MESSIAH IN JUDAISM, CHRISTIANITY AND ISLAM**

Muhammad Afif Afnan Bin Mohd Fadhl<sup>1\*</sup> & Nurhanisah Binte Senin<sup>2</sup>

<sup>1\*</sup>Calon Ijazah Sarjana, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), email: afifafnan92@yahoo.com.

<sup>2</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). email: nurhanisah@kuis.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

### **Abstrak**

Secara umumnya, perkataan *Messiah* merujuk kepada konsep penyelamat dalam perbincangan eskatologi agama Yahudi, Kristian dan Islam. Namun oleh kerana rentetan perkembangan sejarah setiap agama serta doktrin fahaman yang berbeza antara agama-agama ini menyebabkan konsep *Messiah* berbeza di antara Yahudi, Kristian dan Islam. Terdapat kekeliruan fahaman konsep *Messiah* antara Yahudi dan Kristian yang menyebabkan mereka tidak bersetuju antara satu sama lain meskipun mereka dari cabang agama yang sama suatu ketika dahulu. Selain itu, terdapat kekeliruan dalam menafsirkan kat *al-Masih* dalam Islam sehingga Imam *al-Mahdi* serta Nabi Muhammad SAW turut mendapat gelaran *Messiah*. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membahaskan etimologi *Messiah* dalam agama Yahudi, Kristian dan Islam serta menganalisis persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam ketiga-tiga agama menerusi metode pengumpulan data menerusi kajian teks al-Quran dan hadith serta kitab-kitab Perjanjian, dan pensejarahan. Metode analisis data menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif turut sama digunakan. Hasil kajian mendapati terdapat terma khusus yang merujuk kepada ketiga-tiga agama iaitu *Mashiach* bagi Yahudi, *Christ* bagi Kristian dan *al-Masih* bagi Islam. Ketiga-tiga terma ini merujuk kepada maksud diurapi seperti yang dibawa dalam ajaran Yahudi. Tuntasnya, secara etimologi terma-terma *Messiah* agama Yahudi, Kristian dan Islam datang dari sumber yang sama iaitu kebudayaan pengurapan agama Yahudi, namun dari sudut perkembangan konsep, setiap agama adalah berbeza dalam menafsirkan watak dan doktrin yang telah dan akan dibawa sebagai sebuah peristiwa eskatologi.

### **Kata kunci**

Messiah, Yahudi, Kristian, Islam & Analisis perbandingan

### **Abstract**

Generally, the term *Messiah* denotes the concept of savior in the escatological discourse of Judaism, Christianity and Islam. However, due to the historical development of each religion and different doctrinal beliefs between these religions, the concept of *Messiah* is understood differently in Judaism, Christianity and Islam. There is a misunderstanding of the concept of *Messiah* between Jews and Christians which causes them to disagree with each other even they were once from a same religion. In addition, there is confusion in interpreting the word *al-Masih* in Islam until Imam *al-Mahdi* and the Prophet Muhammad SAW also received the title of *Messiah*. Thus, this paper aims to discuss

*Messiah in the aspect of its etymology and to analyse the similarities and differences through content analysis method. This paper signifies the different term used in each religion; Mashiach, Christ and al-Masih in Judaism, Christian and Islam respectively. Each term refers to the same meaning as the one being 'anointed' as being defined in Judaism. In sum, despite the similar meaning of the term used in each religion, the understanding on the concept of Messiah is different according to the doctrinal belief of each religion.*

## Keywords

*Messiah, Judaism, Christianity, Islam & Comparative analysis.*

## 1. Pendahuluan

Konsep *Messiah* merupakan salah satu doktrin yang wujud dalam tiga agama monoteisme Yahudi, Kristian dan Islam. Konsep *Messiah* lebih sinonim untuk dikaitkan dengan eskatologi pengharapan kepada penyelamat akhir zaman dan hal ini wujud dalam ketiga-tiga agama (Mustafa Yilmaz. 2018). Agama Kristian dan Islam berkongsi watak *Messiah* yang sama, iaitu Jesus atau Nabi Isa AS yang akan turun ke dunia buat kali yang kedua, namun doktrin berkenaan kedudukan Baginda dalam akidah Kristian dan Islam serta matlamat dan misi Baginda adalah bertentangan antara satu dengan yang lain. Agama Yahudi menolak kedudukan Jesus sebagai *Messiah* mereka kerana menganggap Baginda tidak memenuhi ciri-ciri *Messiah* yang dinantikan seperti yang tertulis dalam Perjanjian Lama.

Meskipun penggunaan istilah *Messiah* ini didominasi oleh Kristian sebagai kata ganti nama diri bagi Jesus, namun ianya bukanlah milik mereka sahaja. Perbahasan etimologi dan sejarah menunjukkan bahawa istilah *Messiah* dikongsi oleh ketiga-tiga agama dengan transliterasi dan terjemahan bahasa asal masing-masing, iaitu Bahasa Hebrew bagi agama Yahudi, Bahasa Arab bagi agama Islam, dan pembentukan agama Kristian selepas berpecah dari aliran Yahudi ditutur dan ditulis dalam Bahasa Greek. Bagi agama Yahudi *Messiah* disebut sebagai *Mashiach* dalam Bahasa Hebrew, manakala bagi agama Kristian, *Messiah* adalah sinonim kepada perkataan *Christ*, yang ditransliterasi dari Bahasa Greek, *Christós*. Agama Islam pula menggunakan terma *al-Masīh* dalam Bahasa Arab (Moch Ali. 2009).

*Messiah* bermaksud 'the anointed one' atau 'yang diurapi' dengan minyak suci. (Jeffry Tuttle. 1985) Agama Yahudi yang merupakan pelopor kepada konsep ini berevolusi dari sebuah ritual pelantikan para pemimpin mereka kepada sebuah penantian raja kiriman Tuhan. Yahudi mengharapakan seorang nabi dan raja yang ditakdirkan Tuhan untuk memimpin mereka ke arah kehidupan yang lebih harmoni. Konsep ini telah dibawa oleh pengikut Jesus, seterusnya mengiktiraf Jesus sebagai *Messiah* Yahudi yang dinantikan selepas kematiannya di tiang salib. Ketaksuban kepada Jesus sebagai *Messiah* telah mewujudkan sebuah fahaman dan agama baru yang digelar Kristian, atau pengikut *Christ*. Kewujudan konsep *al-Masīh* dalam Islam pula merupakan kesinambungan dan isyarat bagi membetulkan pandangan dan doktrin yang dibawa oleh agama Yahudi dan Kristian dalam menafsirkan Nabi Isa AS.

Umumnya, sejak abad ke-14 lagi, definisi yang tuntas kepada perkataan *al-Masīh* dalam Islam telah menjadi perbahasan dalam kalangan para sahabat dan ulama, lebih-

lebih lagi tiada penerangan yang jelas oleh Nabi Muhammad SAW semasa hayat baginda tentang mengapa Nabi Isa AS dikurniakan gelaran *al-Masih* oleh Allah SWT (Khadijah Hambali. 1996). Tambahan pula penulisan yang menafsirkan perkataan *al-Masih* dengan 'yang diurapi' (*Messiah, savior, the anointed one, the expected one*) adalah sangat minima, berbanding penafsiran yang diambil dari kata akar Bahasa Arab, *ma-sa-ha* yang bermaksud 'menyapu' (*to anoint, to smear, to rub*). Justeru artikel ini akan menilai dan membahaskan tentang etimologi serta latarbelakang sejarah konsep *Messiah* dalam ketiga-tiga agama iaitu Yahudi, Kristian dan Islam bagi menilai persamaan dan perbezaan yang wujud.

## 1. Etimologi *Mashiach* Menurut Kepercayaan Agama Yahudi

Antara ketiga-tiga agama samawi, Yahudi merupakan agama yang terawal. Yahudi adalah antara agama tertua di dunia selepas Hindu yang direkodkan (Ghazali Basri. 2004), bermula dari Abraham (1997-1822 SM) di Kota Ur, Iraq, sehinggalah agama tersebut dilengkapkan oleh Moses (Nabi Musa AS) dan David (Nabi Daud AS). Sehingga kini, dalam tempoh 4000 tahun, agama Yahudi telah berkembang dan dipraktikkan di seluruh dunia dengan cara konservatif (berpegang dengan Judaisme secara tradisional) dan liberal. Tiada satu pun definisi yang tepat atau kriteria yang menjadi kayu ukur bagi menentukan siapakah dia Yahudi (Kenneth Atkinson. 2004).

Maimonides (1135-1204) merupakan seorang tokoh agama Yahudi merumuskan bahawa kemunculan *Mashiach* di akhir zaman sebagai salah satu dari 13 prinsip-prinsip keimanan Yahudi. Perkataan *Messiah* atau *Christ* datang dari transliterasi terma *Mashiach* Hebrew Aryeh Kaplan (1984). Aryeh Kaplan (1976) juga menyebutkan: "*Mashiach is the Hebrew word for Messiah which literally means the 'anointed'*". *Mashiach* disebut sebanyak 38 kali dalam teks Perjanjian Lama dan diterjemahkan kepada perkataan '*anointed one*' dalam Bahasa Inggeris bagi Perjanjian Lama dan Baru hari ini. Joachim Becker (1977) berkata, perubahan tatabahasa yang dikembangkan antara Bahasa Hebrew dan Bahasa Inggeris dilihat telah mengubah kedudukan frasa dasar *anoint* (urap) kepada *anointed* (diurapi), *anointest* (paling diurap), dan *anointing* (mengurapi). Selain itu, sebahagian perkataan *anoint* dalam Bahasa Hebrew juga diterjemah kepada perkataan yang sama, '*anoint*', kerana memiliki maksud yang sinonim. Terdapat 126 kali perkataan '*anoint*' atau 'pengurapan' ini disebutkan dalam Perjanjian Lama dalam 22 buah kitab dengan makna berbeza

Jeffrey Tuttle (1985) juga menyebutkan bahawa perkataan *Mashiach* yang disebut sebanyak 38 kali dalam Perjanjian Lama, adalah sebuah kata nama yang didasari dari kata kerja *mashach*, yang bermaksud *to anoint* (Jeremiah 22:14) atau *to smear* (1 Raja-raja 19:14) iaitu 'untuk mengurapi' dan disebut sebanyak 69 kali dalam Perjanjian Lama sebagai suatu perbuatan mengurap atau melumurkan sesuatu pada seseorang atau sesuatu bagi tujuan tertentu. Bagi maksud yang lebih khusus, *mashach* bermaksud untuk mengkuatkan atau mensucikan (*to consecrate*) seseorang atau sesuatu dengan Minyak Upacara (*anointing oil*). Istilah *Mashiach* dalam Perjanjian Lama dirujuk sebagai kata kerja dan kata nama. Penterjemahan terus dari *Mashiach* ke *Messiah* hanya berlaku sekali sahaja iaitu dalam Daniel 9:25-26, manakala selebihnya menggunakan kata kerja '*anoint*'.

James Donald (1874) pula berkata, perkataan *mashach* atau *anoint* bermaksud 'to smear with ointment or oil', ertinya pengurapan tersebut mestilah dilakukan dengan menggunakan minyak bukan dengan bahan yang lain. Kitab Keluaran, bab ke-30 mengandungi kisah 'Minyak Upacara', dan disebutkan sebanyak 20 kali dalam Perjanjian Lama untuk ritual keagamaan Yahudi. Minyak ini dianggap suci, dan dilarang keras untuk digunakan ke atas manusia biasa, malah ancaman Yahweh terhadap orang yang menyalahgunakannya (Keluaran 30:32-33). Terdapat campuran rempah ratus dalam minyak sebelum digunakan sebagai minyak khusus dalam upacara pengurapan (Keluaran 25:6), yang mengandungi herba terpilih.

*"Ambillah rempah-rempah yang terbaik: enam kilogram mur cecair, tiga kilogram kulit kayu manis yang harum, tiga kilogram tebu yang harum, enam kilogram kayu teja, dan empat liter minyak zaitun, lalu buatlah minyak upacara yang dicampur seperti minyak wangi."* (Keluaran 30:23-25)

Walaupun tiada hujah yang menunjukkan bahawa minyak dan rempah ratus tersebut memiliki kuasa ghaib, sebaliknya proses yang sangat terperinci dalam menyediakan minyak upacara tersebut adalah ujian ke atas ketaatan bangsa Yahudi.

Dari sudut sejarah Yahudi, *Mashiach* merupakan sebuah gelaran dan bukanlah sebuah konsep mahupun doktrin. Seseorang pemimpin mereka dari kalangan raja, nabi dan pendeta akan diurapi dengan minyak suci sebagai tanda pengiktirafan, pemilihan dan keberkahan Tuhan ke atasnya. Contohnya Perjanjian Lama menceritakan tentang Aaron dan anaknya yang merupakan seorang pendeta Yahudi diurapi (*Imamat 4:3-16, Imamat 6:20*). Selain itu Raja David (*Mazmur 132:10, 1 Samuel 16:13, 2 Samuel 2:4*), Raja Solomon (*1 Raja-raja 1:39*), Raja Jehu (*2 Raja-raja 9:6*), Raja Joash (*2 Tawarikh 23:11*) juga seringkali disebut sebagai seseorang yang diurapi. Antara nabi yang diurapi dalam Perjanjian Lama pula adalah Nabi Elisha (*1 Raja-raja 19:16*). Perbuatan mengurapi bukan sahaja dibuat ke atas manusia, malah Perjanjian Lama merekodkan pengurapan perisai (Keluaran 30:26), khemah (*Yesaya 21:5*), mazbah (Keluaran 29:36), bahtera (Keluaran 30:26), dan barang persembahan (Keluaran 29:2). *Anoint* juga boleh membawa maksud pengurapan atas tujuan hospitaliti atau dandan dan telah menjadi adat bagi orang-orang Yahudi (*Rut 3:3, 2 Samuel 14:2*). Pengurapan mestilah menggunakan minyak, selain perkataan *anoint*, 'oil' atau 'ointment' juga digunakan bagi membawa maksud yang sama, iaitu 'meminyakkan' (*Mazmur 109:18, 104:15, Yesaya 1:5, Mazmur*). Istilah ini mungkin berbeza jika dirujuk dalam Perjanjian Lama berbahasa Melayu samada diterjemah kepada perkataan seperti urap, lumur, percik atau lantik.

Dalam Perjanjian Lama, Jacob atau Nabi Yaakub AS adalah individu pertama yang mengamalkan pengurapan (Kejadian 28:18) apabila dia mencurahkan minyak pada suatu tiang. Tuhan menerangkan perbuatan Jacob tersebut sebagai *mashach* (Kejadian 31:13) (Aaron Kligerman, 1957). Jeffry Tuttle (1985) berkata bahawa proses mengurapan minyak (*anointing*) merupakan suatu syiar bagi kebanyakan tamadun termasuklah Tamadun Mesir Purba, Mesopotamia, Kanaan, Hitties, dan Israel dalam sebuah majlis pertabalanan seorang raja yang baru. Mereka percaya bahawa ritual tersebut menjadikan seseorang itu dikuduskan dan disucikan untuk berkhidmat kepada Tuhan, seterusnya akan diberikan panduan dan kewibawaan dari Yahweh. Ini membuktikan bahawa konsep *Messiah* Yahudi atau *Mashiach* pada asalnya adalah

sebuah perbuatan pengurapan minyak suci yang maaruf bagi tamadun-tamadun terdahulu.

Selepas Nabi Musa AS menyelamatkan kaum Yahudi dari penghambaan di Mesir, pada abad ke-10 SM bangkit raja pertama Saul (1020-1000 SM) sebagai permulaan pemerintahan beraja. Sistem pemerintahan ini diteruskan oleh Raja David atau Nabi Daud AS (1002-970 SM) dan Raja Solomon atau Nabi Sulaiman AS (970-930 SM) yang menjadi zaman kegemilangan bangsa Yahudi dan terbinanya Haikal Sulaiman pertama. Kerajaan Yahudi berpecah kepada Judah di Jurusalem dan Israel di Samaria dan dipimpin oleh puluhan raja, nabi dan pendeta yang dilantik dan diurapi secara ritual, sehinggalah kedua-dua kerajaan ditawan oleh Babylon pada abad ke- 6SM. Namun pada abad kelima, Raja Cyrus dari Parsi yang turut digelar sebagai *Mashiach* dalam Perjanjian Lama (Yesaya 45:1) membebaskan mereka semula untuk kembali ke Tanah Air. Peristiwa ini menjadi titik permulaan bagaimana gelaran *Mashiach* berkembang dari istilah tradisi kepada pengharapan eskatologi. Kaum Yahudi yang hidup dalam tekanan dan penindasan kepada kuasa-kuasa besar mengharapkan kelahiran *Mashiach* setanding Raja David dan Raja Solomon bagi membawa kehidupan harmoni kepada mereka. Ayat-ayat eskatologi dalam Perjanjian Lama dikenalpasti dan ditafsirkan sebagai penantian khusus dan janji Yahweh kepada kaum Yahudi (Jeffrey Tuttle, 1985).

Secara keseluruhannya, etimologi *Mashiach* yang bermaksud diurapi dalam kepercayaan Yahudi merujuk kepada raja-raja serta pendeta-pendeta yang diurapi dengan minyak bagi tujuan penyucian dan pengiktirafan kedudukan mereka yang tinggi di sisi Tuhan. Etimologi *Mashiach* merujuk secara langsung konsep pengurapan ke atas raja dan pendeta yang dipercayai mempunyai keistimewaan dan keberkahan daripada Tuhan dan secara tidak langsung berkait rapat dengan penantian mereka terhadap *Mashiach* yang dipercayai akan turun pada akhir zaman kelak.

## **2. Etimologi *Christós* Menurut Kepercayaan Agama Krstian**

Agama Kristian lahir dari konsep *Messiah* Yahudi di mana Jesus adalah *Mashiach* yang dijanjikan, menjadikan segala bentuk akidah dan doktrin Kristian tertumpu pada diri Jesus. Doktrin-doktrin seperti Dosa Warisan (*Original Sin*), Penebusan Dosa (*Atonement*), Jesus sebagai Tuhan Anak (*God The Son*), Jesus mati dibunuh dan kemudiannya telah hidup kembali (*resurrection*), naik ke langit bersama Tuhan Bapa (*ascension*) sebagai manusia (*Fully Man*) dan Tuhan (*Fully God*) dan akan muncul semula buat kali yang kedua secara eskatologi (*Second Coming*). Kematian Jesus disalib menjadi asbab kepada permulaan ajaran Kristian, kerana Jesus mati bagi menebus Dosa Warisan manusia yang diwarisi sejak Adam dan Eve. Justeru, Kristian percaya konsep *Salvation* (keselamatan) boleh dicapai manusia dengan penebusan dosa (Catherine Murphy, 2008). Kristian menggambarkan Jesus sebagai *Messiah* Yahudi yang dijanjikan dan dinantikan dalam Perjanjian Lama sebelum ini.

Kristian atau *Christian* adalah gabungan perkataan *Christ* dan terma '*ian*' yang bermaksud 'segolongan manusia yang mengikut ajaran *Christ*'. Berkesinambungan dari latar belakang dan sejarah kewujudan konsep *Mashiach* Yahudi, *Christós* (Χριστός) merupakan terjemahannya dari Bahasa Greek atau dialek Koine Greek bagi *Messiah* Kristian yang memberi erti yang sinonim iaitu '*the anointed one*'. Istilah *Christós* datang dari kata dasar *chrió* yang bermaksud '*to anoint*'. Kristian berkembang dari agama yang diamalkan oleh murid-murid Jesus dalam kalangan kaum Yahudi,

namun Paul menjadi individu yang bertanggungjawab untuk menyebarkan ajaran Jesus di Greek kepada bukan Yahudi atau *gentile*, dan di sinilah doktrin Kristian berkembang. Ideologi tentang *Mashiach* digali dan berevolusi dengan penterjemahannya kepada *Christós* dan tanpa sedar ideologi ketuhanan Greek turut dimuat masuk. Perjanjian Baru mula ditulis oleh pengikut *gentile* yang tidak pernah bertemu Jesus dalam Bahasa Greek yang menjadi *lingua franca* di Maditeranean dan Timur Tengah pada waktu tersebut (James Adair, 2007).

Perkembangan Kristian di Greek sejak pada abad pertama adalah zaman yang mana Jesus diangkat bukan sahaja sebagai *Mashiach* atau *Christós*, tetapi juga sebagai Tuhan Anak (*God the Son*). Di peringkat awal, golongan pengikut Jesus dikenali sebagai atau Nazarene oleh masyarakat sekitar Palestin. Perkataan Kristian atau *Christianós* muncul buat kali pertama di Antioch (Acts 11:26). Apabila ajaran Kristian berkembang dalam pembendaharaan Latin Rome dalam penulisan kitab Perjanjian, translitesi *Christós* (Χριστός) kepada *Cristus* digunakan dengan sebutan yang landai. Sebutan bagi huruf 'i' pula dipanjangkan kepada *Christ* sekitar abad ke-8 akibat pengaruh loghat Irish yang berdakwah di England (John Murray, 1921, Ernest Klein, 1971).

Secara ringkas Jesus merupakan seorang lelaki berbangsa Yahudi yang lahir dengan keajaiban tanpa seorang bapa. Dia telah memulakan agenda dakwah pada usia 30 tahun dan memiliki pengikut yang setia termasuklah 12 anak muridnya, yang dikenali sebagai *Twelve Apostles*. Jesus juga memiliki pelbagai keajaiban seperti dapat menyembuhkan penyakit-penyakit, menghidupkan burung dan manusia yang telah mati, dan sebagainya. Keajaiban ini menjadi asbab Jesus dianggap sebagai *Mashiach* Yahudi yang seterusnya. Namun Jesus tidak pernah menggelarkan dirinya sebagai *Mashiach*, dan gelaran ini muncul selepas kematiannya (James Adair, 2007).

Dalam Perjanjian Baru, Kata '*anoint*', '*anointed*' dan '*anointing*' boleh didapati sebanyak 18 kali (lihat Matius 6:17, Markus 6:13, 14:8, 16:1, Lukas 4:18, 7:46, Yohanes 2:27, 9:6,11, 11:2, Acts 4:27, 2 Korintus 1:21, Ibrani 1:9, James 5:14, Wahyu 3:18). Berbeza dengan Perjanjian Lama, tiada watak atau tokoh yang diurapi. Jesus juga tidak pernah diurapi secara ritual dan pelantikan rasmi kecuali peristiwa dia diurap dengan minyak oleh Maria Magdalene di kaki (Matius 26:6-13). Perjanjian Baru hanya memiliki satu perkataan *Messiah* yang diterjemah dari kata *Mashiach*, namun perkataan *Christ* ini disebut sebanyak 538 kali. Sebahagian ayat menggabungkan Jesus dan *Christ* bersama, manakala kebanyakan ayat hanya menyebut nama *Christ* dengan huruf besar, tanpa didahului nama Jesus, sebagai maksud kata nama khas yang menggantikan diri Jesus.

Kristian menjadi agama yang berkembang pada tiga dekat pertama sehingga mewujudkan perbagai falsafah dan aliran. Hasil persidangan *Nicene Creed* pada tahun 325 Masihi di Constantinople, majoriti gereja Kristian bersetuju bagi mencari kata putus dalam sebahagian doktrin-doktrin Kristian termasuk konsep *Messiah* pada diri Jesus yang merupakan satu oknum dari tiga pecahan Tuhan (*Trinity*). Hal ini telah mengubah konsep *Mashiach*, *Messiah* Yahudi yang asal. Terdapat golongan kecil seperti Arianisme yang menentang doktrin ketuhanan yang diberikan kepada Jesus, namun kelompok ini adalah minima jumlahnya. Kristian hari ini yang sebahagian besarnya tergolong dalam kalangan Katolik dan Ortodok adalah penyokong kepada doktrin tersebut (Catherine Murphy, 2008).

Ringkasnya, konsep *Christ* dalam Kristian yang dianggap sebagai *Messiah* menurut kepercayaan penganut agama ini bertitik tolak daripada doktrin penebusan dosa serta keselamatan yang dibawa oleh Jesus sebagai *Christ*. Perkataan *Christ* dan *Messiah* pada etimologinya membawa maksud yang sama iaitu diurapi (*anointed*). Namun begitu daripada aspek kepercayaan dalam agama Yahudi dan Kristian, kedua-duanya adalah merujuk kepada individu dan ciri yang berbeza. Kristian bermaksud pengikut kepada *Christ* atau pengikut kepada *Messiah*. Kristian yang merupakan sebuah agama yang terbit dari pecahan mazhab Yahudi telah mengubah konsep asal *Mashiach* Yahudi kepada sifat-sifat ketuhanan serta doktrin-doktrin tambahan yang khusus atas diri Jesus.

### 3. Etimologi *Al-Masīh* Menurut Kepercayaan Agama Islam

Agama Islam merupakan agama penutup bagi ketiga-tiga agama Ibrahimiyyah, menjadi pelengkap kepada syariat Tuhan yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW pada 14 abad yang lalu. Islam meyakini bahawa Yahudi dan Kristian adalah agama yang wujud dari rentetan perutusan para rasul terdahulu yang membawa ketauhidan kepada Allah SWT, namun dakwah mereka telah disalaherti dan menyimpang dari landasan agama yang sebenar. Tidak hairanlah Islam berkongsi sebahagian doktrin yang dimiliki oleh agama Yahudi dan Kristian termasuk konsep berkenaan *Messiah* atau dikenali sebagai *al-Masīh* dalam Bahasa Arab.

Falsafah berkenaan Messianisme yang terdiri dari konsep *Messiah* (*concept of Messiah*), penebusan dosa (*redemption*), perantaraan (*intercession*), dan kaum terpilih (*charismatic community*) merupakan suatu yang asing dalam Islam kecuali dalam aliran Syiah (Rifaat Hassan, 1985). Adapun perkataan *Messiah* wujud dan diimani sebagai seorang Muslim. Perkataan *al-Masīh* direkodkan sebanyak 11 kali dalam Al-Quran dan hanya Nabi Isa AS sahaja yang menerima sandaran gelaran tersebut oleh Allah SWT. Dari sumber hadith pula disandarkan kepada nabi Isa sebanyak tiga kali. Selain Nabi Isa AS, kata *al-Masīh* turut disambungkan kepada *al-Dajjal*. Dalam *Tafsir al-Kasyaf*, Al-Zamakhsari (467 H) menyebutkan tiada perbahasan yang jelas mengenai definisi sebenar perkataan *al-Masīh* yang terdapat dalam sumber utama Islam, namun ianya disandarkan kepada seorang watak bernama Isa putera kepada Maryam AS (*Ali Imran*: 45), yang merupakan rasul Allah SWT yang dilantik (*Al-Nisa*: 171).

إِذْ قَالَتِ الْمَلَكَةُ يَا مَرْيَمُ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكِ بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ اسْمُهُ الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا فِي  
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ

Maksudnya:

(Ingatlah) ketika malaikat berkata: Wahai Mariam! Bahawasanya Allah memberikan khabar yang menggembirakanmu, dengan (mengurniakan seorang anak yang engkau akan kandungkan semata-mata dengan) Kalimah daripada Allah, nama anak itu: Al-Masih, Isa Ibni Mariam, seorang yang terkemuka di dunia dan di akhirat dan dia juga dari orang-orang yang didampungkan (diberi kemuliaan di sisi Allah).

Surah Ali-Imran (3):45

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ أَلْفَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ

Maksudnya:

Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya Al Masih Isa Ibni Mariam itu hanya seorang pesuruh Allah dan Kalimah Allah yang telah disampaikanNya kepada Mariam dan (dia jua tiupan) roh daripadaNya.

Surah al-Nisa' (4):171

Dari sudut bahasa, Ibnu Manzur (711 H) menyatakan dalam kitab karangannya *Lisan al-Arab*, bahawa *al-Masih* membawa erti sifat jujur, benar, dan cantik rupawan, serta sikap dan perbuatan Nabi Isa AS yang banyak berjalan dalam berdakwah semasa hayatnya. Ibnu Manzur juga mengambil penafsiran dari Ibnu 'Abbas (68 H) yang mengaggap bahawa gelaran *al-Masih* pada Nabi Isa AS adalah disebabkan terdapat lekukan pada tapak kaki Baginda, menyebabkan kakinya tidak menjejaki bumi. Selain itu, keajaiban yang dimukjizatkan Allah kepada Baginda sehingga mampu mengubati banyak penyakit hanya dengan tangannya, seperti penyakit sopak, kusta, hawar dan buta, dan hal ini mencerminkan maksud *al-Masih*. Abu al-Abbas (136 H) pula menyatakan pendirian yang sama bahawa *al-Masih* bererti perbuatan Nabi Isa AS menyapu tanah dengan tangannya, dan lekukan pada tapak kakinya kerana banyaknya Nabi Isa AS berjalan. Selain itu, beliau juga berpendapat terdapat peristiwa minyak suci yang disapukan pada perut Maryam sebelum Baginda lahir. Ibnu Manzur turut membuat andaian bahawa berkemungkinan, kata *al-Masih* ini merupakan kata pinjaman dari Bahasa Aram, *Masiha* yang bererti penyelamat, penyuci dosa, dan seseorang yang dilindungi. Khususnya dalam sumber hadith, perkataan *al-Masih* lebih banyak disebut bagi watak *al-Dajjal*, iaitu *al-Masih al-Dajjal* berbanding ke atas Nabi Isa AS seperti al-Quran. Ibnu Manzur (711 H) menyifatkan bahawa *al-Masih al-Dajjal* adalah *al-Masih* yang dusta atau yang palsu, memiliki wajah yang hodoh. Terdapat juga andaian bahawa *al-Masih al-Dajjal* sebenarnya disebutkan *al-Masikh* (dari kata dasar *ma-sa-kha*) bererti rupa yang rosak, namun andaian tersebut adalah tidak diketahui asalnya dan tiada fakta yang menyokong.

*Mu'jam Matan al-Lughah* menyebutkan bahawa perkataan *al-Masih* disandarkan kepada Nabi Isa AS kerana sifat Baginda yang jujur dan benar. Al-Azhari menyatakan istilah Bahasa Arab, *al-Masih* sebagai istilah yang diambil dari Bahasa Hebrew, *Mashiach*. Beliau juga mengambil contoh pada perubahan etimologi bagi nama Nabi Musa AS dalam Bahasa Arab, yang sebenarnya adalah perkataan Hebrew, *Musha* (Sheikh Muhammad Reda, 1960).

Kitab *Taj al-Arus Min Jawahir al-Qamus* oleh al-Zabidi (1965), turut menyatakan bahawa kata *al-Masih* memberi erti perbuatan menyapu Nabi Isa AS untuk merawat dan menyembuhkan pelbagai penyakit sebagai mukjizat yang diberikan oleh Allah SAW.

Selain itu, terdapat juga pandangan dari bukan Islam seperti yang tertulis dalam *Shorter Encyclopedia of Islam* karangan Hamilton Gibb (1973) yang menyifatkan *al-Masīh* dari kata dasar *ma-sa-ha* membawa dua erti, iaitu dari maksud jarak dan ukuran, atau merupakan adaptasi *Masih* dari Bahasa Ethiopia, yang bermaksud 'penyelamat'.

Dari sumber kitab-kitab tafsir pula, pengertian konsep *al-Masīh* di dalam Islam tidak lari dari apa yang telah dibahaskan dari sudut bahasa. Al-Razi (607 H) dalam *Tafsir al-Kabīr* menyebutkan bahawa *al-Masīh* tidak dapat diertikan dalam istilah Bahasa Arab kerana istilah ini adalah pinjaman dari Bahasa Hebrew, *Mashiach* yg bermaksud 'penyelamat'. Al-Razi menukulkan bahawa Abu Ubaidah dan al-Laith juga mengambil contoh nama Nabi Musa AS yang disebut *Musha* atau *Misha* dalam Bahasa Hebrew, dan nama bagi Nabi Isa AS pula disebut dengan *Yashua*. Al-Razi juga menukulkan riwayat dari Ibnu Abbas yang menilai istilah *al-Masīh* dengan kata nama *mushtaq* dari kata kerja *masaha* (mim-sin-ha) yang membawa maksud 'disapu', serta definisi penyandaran sifat ke atas Nabi Isa AS yang boleh menyembuhkan penyakit dengan tangannya, suka mengusap kepala anak yatim, dan lekukan kainnya yang tidak menjejak tanah.. Baginda banyak berjalan dan bermusafir atas tujuan menyebarkan agama Allah SWT, dengan itu dapat membersihkan dosa manusia melalui ketaatan kepada Tuhan.

*Tafsir al-Kabīr* oleh al-Razi (1989) juga menyebutkan bahawa terdapat sebahagian pendapat yang beranggapan istilah *al-Masīh* pada Nabi Isa AS adalah kerana baginda telah diurap dengan minyak suci oleh para nabi selepas kelahirannya. Selain itu juga Baginda telah disapu dengan sayap Jibril AS semasa kelahirannya untuk mengelak dari gangguan syaitan. Ada juga yang berpendapat bahawa Maryam menyapu perutnya sendiri dengan minyak semasa kelahiran Nabi Isa AS untuk melegakan sakit. Abu 'Amru al-'Ala' (154 H), seorang pakar tatabahasa Arab menyebutkan bahawa *al-Masīh* bermaksud raja. Ibrahim al-Nakhai (96 H), seorang tabi'ain, berkata *al-Masīh* bermaksud jujur. Namun kedua-dua berpendapat bahawa tiada suatu maksud khas tentang *al-Masīh* yang boleh dikaitkan dengan Bahasa Arab, dan ianya merupakan sandaran kurniaan Allah SWT kepada Baginda.

Al-Razi (1989) akhirnya lebih cenderung untuk tidak menakwilkan definisi dan konsep *al-Masīh* yang disandarkan kepada Isa AS, dan hanya menganggap gelaran tersebut hanya khusus kepada baginda dan tidak terkait pada individu lain. Al-Qurtubi dalam *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Muhammad 'Ali al-Sabuni dalam *Safwah al-Tafsir*, al-Tabari dalam *Tafsir al-Tabari*, Imam al-Nasafi dalam *Tafsir al-Nasafi*, dan Imam al-Jalalain dalam *Tafsir al-Jalalain*, memiliki pendapat yang sama tentang konsep *al-Masīh* seperti yang disimpulkan oleh al-Razi di atas iaitu sebagai sandaran hanya kepada Nabi Isa AS tanpa diketahui maksud yang khusus.

Dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim* oleh Ibnu Kathir (2004), nama penuh *al-Masīh* Isa Ibnu Maryam merupakan panggilan dan gelaran baginda yang masyhur dan khusus dalam agama Islam, untuk membezakan dengan nama Yashua kaum Yahudi, dan nama Jesus kaum Nasrani.

Jeffry Tuffle (1985) berpendapat bahawa tamadun manusia di sekeliling Israel juga terkesan dengan budaya mengurapi atau menyapu sesuatu atau seseorang dengan minyak sebagai tanda mensucikannya untuk dipersembahkan kepada Tuhan termasuklah tamadun Mesopotamia, Anatolia, Mesir Purba dan Babylon dengan istilah-istilah yang berbeza. William R. Smith (1911) dalam *Encyclopedia Britannica* mengandaikan bahawa masyarakat Arab juga tidak terkecuali dengan menyapukan wangian pada patung-patung dan berhala-berhala mereka namun Tuffle tidak bersetuju kerana tiada bukti yang kukuh. Khadijah Hambali (1996) juga merumuskan *Al-Masīh* adalah lebih absah dikatakan sebagai kata pinjaman Hebrew yang sinonim dengan kebudayaan Yahudi.

Secara keseluruhan, definisi dan konsep *al-Masīh* dari sudut bahasa, hadith dan tafsir, mendapati bahawa majoriti pandangan dari sumber yang ditemui, adalah lebih cenderung untuk tidak menakwilkan definisi *al-Masīh* dan pandangan bahawa ianya merupakan istilah yang baru dan tidak membawa maksud yang khusus dalam Bahasa Arab, dan jika *al-Masīh* merupakan istilah pinjaman dari bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Aram (*Masiha*), Bahasa Hebrew (*Mashiach*), Bahasa Latin (*Mesias*) dan Bahasa Ethiopia (*Masih*), maka secara umum membawa erti seorang 'raja yang dinantikan' dan seorang 'penyelamat' dari sudut majazi.

*Al-Masīh* atau *masīh* dirungkaikan dari kata bentuk *fa'il* dari kata kerja *masaha*, boleh diertikan sebagai 'yang disapu', bukannya *fā'il* yang membentuk perkataan *al-Māsīh* (yang menyapu). Hal ini dapat dilihat bertepatan dengan maksud asal *Mashiach* dalam Hebrew yang 'yang diurap' dengan minyak suci atau '*anointed*', manakala *al-Masīh* bermaksud *Ha Mashiach* iaitu kata nama khas bagi menggambarkan 'penyelamat' yang khusus dalam Hebrew. Oleh itu, kata *al-Masīh* yang membawa erti 'yang menyapu' atas alasan bahawa Nabi Isa 'menyapu' dengan tangannya untuk menyembuhkan penyakit atau 'menyapu' jalan kerana banyak bermusafir adalah kurang tepat dari sudut bahasa yang sepatutnya menggunakan perkataan *al-Māsīh* bukan *al-Masīh*.

Definisi menurut sejarah pula, kata *al-Masīh* atau *masīh* telah lama wujud berdasarkan kepada upacara yang dilakukan oleh masyarakat Yahudi atau Bani Israil sejak turun temurun lagi (Al-Tahtawi. 1977). Kata ini dipinjam dari Bahasa Hebrew *Mashiach*, yang bermaksud seseorang yang dipilih dan diberkati Tuhan dan bertanggungjawab untuk memimpin kaum Yahudi. Kata ini pada asalnya ialah perbuatan mengurap minyak suci yang dilakukan oleh kaum Yahudi ke atas pimpinan seperti para nabi, raja-raja dan pendeta sebagai tanda terpilih dan keberkahan Tuhan. Amalan ini dipercayai dimulai sejak zaman Nabi Yaakub AS lagi yang telah mengurapi anaknya Nabi Yusuf AS sebagai tanda kehormatan, kemuliaan dan keberkahan dan akhirnya tradisi ini menjadi syiar dan berkesinambungan antara generasi ke generasi. Justeru, individu yang terpilih dan diurapi dengan minyak suci ini dikenali sebagai *Mashiach* atau *al-Masīh*.

#### 4. Analisis Perbandingan

Perbincangan di atas bagi ketiga-tiga agama dapat dibahagikan kepada perbincangan secara etimologi iaitu asal-usul pembentukan kata, dan perbincangan dari sudut pensejarahan yang turut terkait dengan pembentukan kata.

Berasaskan kepada aspek etimologi, perkataan *Messiah* agama Yahudi, Kristian dan Islam, iaitu *Mashiach*, *Christós* dan *al-Masih* berkongsi definisi yang sama '*the anointed one*' atau 'yang diurapi'. Maksud kata dasar bagi ketiga-tiga bahasa juga adalah sama iaitu, *mashach*, *chriò*, dan *masaha* yang masing-masing bermaksud '*to anoint*' atau 'sapu atau urap'. Oleh itu, istilah *Messiah* mahupun *Christ* adalah istilah moden yang diinggeriskan sebagai suatu kata nama khas bagi merujuk kepada individu, bergantung kepada doktrin agama masing-masing.

Bagi agama Yahudi, mereka memiliki rentetan *Mashiach*, atau *messiah-messiah* yang terdiri dari pelbagai latarbelakang seperti Pendeta-pendeta, para nabi dan rasul, serta golongan raja yang menduduki takhta. Bagi agama Kristian pula, mereka mengakui erti sebenar *Messiah* yang muncul dari kebudayaan Yahudi, namun anggapan pengikut-pengikut Jesus bahawa Baginda merupakan *Messiah* yang dinantikan sekian lama, Jesus dianggap sebagai *Christ*. Islam pula mengambil kesinambungan sejarah dan doktrin agama Yahudi dan Kristian dengan memberi gelaran *al-Masih* kepada Nabi Isa AS sebagai *Messiah* Islam.

Dari sudut sifat, Yahudi dan Islam masih mengekalkan maksud asal *Messiah* iaitu sebagai seorang manusia biasa yang akan atau telah diutuskan oleh Tuhan bagi memimpin manusia di era messianik dengan kehidupan yang berasaskan keamanan dan hukum-hakam Tuhan. Manakala Kristian meletakkan sifat ketuhanan pada diri *Messiah* mereka. *Messiah* Kristian dianggap seorang yang berinkarnasi dari Tuhan Bapa di Syurga kepada Tuhan Anak di Dunia. Perutusan *Messiah* Kristian juga dianggap sebagai kambing hitam bagi menebus Dosa Warisan yang diwarisi dari Nabi Adam AS yang diturunkan ke dunia kerana memakan buah larangan di dunia.

Adapun dari aspek pensejarahan konsep, ketiga-tiga agama berada pada garis masa yang berhubung kait antara satu sama lain. Agama Yahudi yang merupakan agama terawal mempelopori ritual dan upacara '*anointing*' kepada para pemimpin mereka. Namun sumber Perjanjian Lama menyebutkan bahawa ritual ini sudah dimulakan sejak Jacob (1689 SM) atau Nabi Yaakob AS lagi. Kebudayaan yang menjadi kelaziman pada waktu tersebut mewujudkan kata nama khas bagi '*the anointed one*' atau *Mashiach* sebagai gelaran kepada raja khususnya. Penawanan Yahudi oleh kerajaan Babylon pada awal abad keenam sebelum masihi, menandakan berakhirnya sistem *Mashiach* mereka yang bertahan selama lima abad sejak Raja Saul dilantik pada 1020 SM lagi. Akibat tekanan penghambaan, peperangan dan dendam, berlaku evolusi konsep apabila kaum Yahudi meletakkan pengharapan kepada Tuhan agar seorang *Mashiach* yang berketrampilan dari segi politik dan spiritual memimpin mereka untuk kehidupan yang lebih harmoni.

Pembinaan semula Haikal Sulaiman kedua pada 516 SM oleh Raja Cyrus (530 SM) dari Parsi meletakkan pengharapan kepada kaum Yahudi bagi menantikan kewujudan *Mashiach* yang baru. Pada tahun 4 SM lahirnya Jesus atau Nabi Isa AS yang dianggap *Mashiach* oleh pengikutnya yang mula berdakwah di usia 30 tahun. Pendakwaan selama tiga tahun berakhir di tiang salib, Baginda dibunuh kerana menggugat kuasa

pemerintahan Rome di Judea. Bagi Kristian, Jesus telah hidup kembali selepas tiga hari dan naik ke langit menjadi Tuhan semula. Bagi Islam pula, Nabi Isa AS tidak mati dibunuh disalib, jasadnya diganti dengan individu yang menyerupainya, dan naik ke langit. Kematian Jesus menjadi asbab kepada permulaan doktrin Kristian oleh *gentile* di Greek yang dibawa oleh Paul. Jesus diangkat sebagai *Mashiach* dan *Christós*, dan doktrin berkenaan Trinita, Tuhan Anak, Dosa Warisan, Penebusan Dosa, dan *Second Coming* mula diperkenalkan. Kristian menganggap Jesus telah meletakkan dirinya sebagai tebusan, menawarkan dirinya, bekorban untuk sekalian manusia sebagai 'penyelamat' dari Dosa Warisan.

Selepas 500 tahun tanpa rasul yang diutuskan Allah SWT, Nabi Muhammad SAW telah dilahirkan di Mekah dan dilantik sebagai rasul di usia 40 tahun, dengan membawa al-Quran sebagai mukjizat. Al-Quran sebagai *Kalamullah* turut memasukkan perihal Yahudi dan Kristian sebagai gambaran dan pembetulan terhadap sejarah dan doktrin yang dibawa oleh rasulNya Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS melalui kitab Taurat dan Injil. Menariknya, gelaran *al-Masīh* bagi Nabi Isa AS tertulis dalam al-Quran dan hadith tanpa definisi yang tuntas dari sumber wahyu, dalam mencari sebab yang munasabah bagi gelaran tersebut disandarkan kepada Nabi Isa AS. Ianya merupakan kesinambungan dari ritual dan kepercayaan agama Yahudi dan Kristian, bagi menjelaskan dan membetulkan fahaman Yahudi dan Kristian berkenaan raja penyelamat eskatologi yang dinantikan oleh mereka.

Oleh itu Messiah Kristian dan Islam adalah sama dari sudut watak iaitu Nabi Isa AS atau Jesus namun berbeza dari sudut sifat dan doktrin. Manakala bagi Messiah Yahudi dan Islam pula dilihat berbeza dari sudut watak nanti memiliki persamaan dari sudut sifat dan doktrinnya. Bagi Messiah Yahudi dan Kristian pula, meskipun kedua-dua agama ini berkait rapat antara satu dengan yang lain, watak dan sifat *Messiah* antara keduanya adalah berbeza sama sekali.

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, etimologi *Messiah* dalam ketiga-tiga agama merujuk kepada maksud yang sama iaitu diurapi yang dipercayai wujud sejak kewujudan agama Yahudi. Adapun rentetan sejarah dalam setiap agama menjadikan konsep *Messiah* ini dipercayai dengan fahaman yang tersendiri mengikut kepada perkembangan sejarah agama masing-masing.

Konsep *Messiah* yang diasaskan oleh Yahudi sebagai seorang utusan Tuhan telah diubah kepada konsep ketuhanan yang disandarkan hanya kepada Jesus sahaja. *Messiah* yang dipatutnya menjadi 'penyelamat' kaum Yahudi bagi memimpin mereka kepada kehidupan berlandaskan agama Tuhan telah berubah kepada 'keselamatan' dari Dosa Warisan umat manusia yang diwariskan dari turunnya Nabi Adam AS dan Hawa ke dunia dari syurga Allah SWT. Penyelewengan fakta dan doktrin ini telah mewujudkan kekeliruan dalam ungkapan dan istilah *Messiah* yang sepatutnya dikongsi oleh ketiga-tiga agama, dan bukanlah suatu istilah yang hanya sinonim kepada ajaran Kristian sahaja.

Adapun menurut perspektif Islam, kemunculan *al-Masīh* merupakan antara pegangan yang dipercayai oleh setiap Muslim. Nabi Isa AS yang dikenali sebagai Jesus atau Yashua akan menjadi asbab dalam membetulkan akidah Ahli Kitab dengan syariat

agama dan ketauhidan kepada Allah SWT kelak. Walaupun gelaran *al-Masīh* tidak memiliki pengertian yang khusus yang pernah diceritakan oleh Nabi Muhammad SAW malah para sahabat dan ahli tafsir juga membuat andaian dan cenderung kepada suatu konsep dan kata yang berkait rapat dengan *Mashiach* Yahudi. Islam meletakkan jalan dakwah yang halus dalam meraikan kedua-dua agama Yahudi dan Kristian dalam mencari persefahaman doktrin melalui gelaran *al-Masīh* yang disandarkan pada Nabi Isa AS.

## Rujukan

*Al-Quran al-Karim*. (2018). *Mushaf al-Madinah al-Munawwarah*. Saudi Arabia: King Salman Editon.

*Al-Quran al-Karim* Terjemahan Darul Iman (2007). Percetakan Zafar. Pustaka Darul Iman: KL.

Aaron Judah Kligerman (1957) *Messianic Prophecy in the Old Testament*. Grand Rapids: Zondervan.

Al-Bukhāri, Abu 'Abdullah Muhammad Ibn Ismail (1958). *Sahih al-Bukhōri*. Kaherah: al-Maktabah al-Jumhuriyyah al-'Arabiyyah.

Al-Baghāwī, Abū Muhammad al-Husain Ibn Mas'ūd (1993). *Tafsīr al-Baghāwī al-Musammā Ma'ālim al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bāqī, Muhammad Fuad (1994). *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Jalalyin, Jalal al-Din al-Mahalli, Jalal al-Din al-Suyuti (t.t). *Tafsir al-Jalalyin*. Kaherah, Mesir: Dar al-Fikr.

Al-Marbawi, Muhammad Bin Idris (1994). *Kamus al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man.

Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad Abu Ahmad Ibn Abu Bakar (t.t.). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Syuruq.

Al-Nasafi, Najm al-Din Abu Hafs Umar Ibn Muhammad (t.t.). *Tafsir al-Nasafi*. Beirut: Dar al-Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.

Al-Sabuni, Muhammad 'Ali (t.t.). *Safwah al-Tafasir*. Kaherah, Mesir: Dar al-Sabuni li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

Al-Tabari, Muhammad Bin Jarīr (t.t.) *Tafsīr al-Tabari*. Kaherah, Mesir: Dar al-Ma'arif.

Al-Tahtawi, Muhammad 'Izzat Ismail (1977). *Al-Nasraniyyah wa al-Islam: 'Alamiyyah al-Islam wa al-Duwamah ila Qiamah al-Sa'ah*. Kaherah: Mesir: Matba'ah al-Taqaddum bi al-Munirah.

Al-Razi, al-Fakhr al-Din (1990) *Tafsir al-Kabīr*. Beirut: Darul Fikr.

Al-Zabidi, Muhammad Murtadha al-Husseini (1965). *Taj al-Arus Min Jawahir al-Qamus* oleh al-Zabidi, Kuwait: Ministry of Guidance and Information.

Al-Zamakhshari, Abū al-Qāsim Jar Allah Mahmūd Ibn 'Umar (t.t.). *Al-Kasyāf 'an Haqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwil fi Wujūh al-Ta'wīl*. Kaherah, Mesir: Maktabah Misr.

Anon (2001). *Al Kitab: Berita Baik*. Selangor: Bible Society of Malaysia.

Anon (2001) *Bible: English Version*. Selangor: Bible Society of Malaysia.

Aryeh Kaplan (1976). *The Real Messiah? A Jewish Response to Missionaries*. Brooklyn. Mesorah Publications Ltd.

Aryeh Kaplan (1984). *Maimonide's Principles; The Fundamental of Jewish Faith*.

National Conference of Synagogue Youth, Union of Orthodox Jewish Congregations of America.

Catherine Murphy (2008). *The Historical Jesus for Dummies*. Indiana: Wiley Publishing.

Ghazali Basri (2013). *Ilmu Perbandingan Agama, Suatu Pengenalan*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah.

*Ernest Klein (1971). Comprehensive Etymological Dictionary of the English Language. Amsterdam: Elsevier Scientific Publishing.*

Hamilton A. Gibb, J. H. Kramers (1957). *Shorter Encyclopaedia of Islam*. Michigan: Cornell University Press.

Ibnu Kathir, Abu Fida Ismail bin Umar (1994), *Tafsīr al-Quran al-'Azīm*. Riyadh: Dar al-Salam.

Joachim Becker (1977). *Messianic Expectation in the Old Testament*. Edinburg: T&T Clark.

Jeffrey Tuttle (1985). *Anointing Anointed*. Calvary Baptist Theological Journal. Pennsylvania; Calvary Baptist Seminary.

James Donald (1874). *Chambers Etymological Dictionary of English Language*. London; W&R Chambers.

James R. Adair (2008). *Introducing Christianity*. New York: Routledge.

Kenneth Atkinson. 2014. *Religions Of The World; Judaism*. Philadelphia, Chelsea House Publishers.

Khadijah Mohd Khambali (1996). *Isa Al-Masih Putera Maryam: Suatu Taakulan*. Jurnal Usuluddin, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Moch Ali (2009). *Discovering the Hebraic Root of Islamic Messiah: A Study of Semitic Philology on the Hebrew Torah, the Jerusalem Talmud, and the Midrash*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Mustafa Selim Yilmaz (2018), *An Overview of the Adventure of Meaning of Concept of Messiah within the covenant Tradition*, Journal of religious Inquiries, Karabuk: Faculty of Theology, Karabuk University.

Riffat Hassan (1985), *Messianism and Islam*, Journal of Ecumenical Studies 22, Bil. 2. Louisville: University of Louisville.